

11 APR 1997

PRESIDEN TATARSTAN MENEMUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Presiden Tatarstan Mintimer Shaimiev hari ini mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri.

Perbincangan dalam pertemuan selama 30 minit itu berkisar kepada hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Shaimiev tiba di sini pada Selasa untuk lawatan selama empat hari.

Turut mengiringi beliau dalam lawatan itu ialah Timbalan Perdana Menteri pertama Ravil Muratov, Menteri Hubungan Luar Ekonomi Rashid Akhounov, Menteri Ekonomi Damir Bikbov dan ahli-ahli perniagaan terkemuka negara itu.

Lawatan Shaimiev adalah susulan kepada kunjungan Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar yang mengetuai satu rombongan ahli perniagaan Malaysia ke Kazan, ibu negara Tatarstan, pada Oktober tahun lepas.

Tatarstan merupakan sebuah negara dalam Persekutuan Rusia. -- BERNAMA
HS RON